

14 JAN 2000

Mahkamah-Pemimpin (Rangkuman)/Bergambar  
TIGA PEMIMPIN PEMBANGKANG DIHADAPKAN KE MAHKAMAH

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Tiga orang pemimpin pembangkang didakwa di mahkamah berasingan hari ini mengikut Akta Hasutan 1948 dan Akta Rahsia Rasmi.

Mereka ialah Timbalan Pengerusi DAP Karpal Singh a/l Ram Singh, 59, Naib Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Marina Yusoff, 58, dan Ketua Pemuda Keadilan Mohamad Ezam Mohd Noor, 33.

Karpal Singh dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini terhadap tuduhan menyebut kata-kata berunsur hasutan semasa perbicaraan liwat bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

Marina pula didakwa di Mahkamah Sesyen Butterworth, Pulau Pinang terhadap tuduhan menyebut kata-kata menghasut iaitu: "Saya nak ingatkan orang Melayu, orang Cina, orang India, punca 13 Mei. Puncanya ialah Umno, Umno yang mula membunuh orang Cina kerana Umno di Selangor sudah kalah. Pembunuhan orang Cina dimulakan oleh Umno, masa itu dirancang pemimpin-pemimpin Umno dan Selangor diketuai oleh Datuk Harun."

Ezam pula dituduh di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya terhadap tuduhan memiliki dan memaklumkan kepada media dalam satu persidangan akhbar mengenai maklumat rahsia rasmi iaitu laporan siasatan Badan Pencegah Rasuah terhadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan bekas ketua menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Cik.

Ketiga-tiga mereka mengaku tidak bersalah dan dibebaskan selepas diikat jamin dengan masing-masing seorang penjamin.

Karpal Singh, yang merupakan seorang daripada peguam Anwar, dituduh menyebut kata-kata berunsur hasutan sewaktu berhujah mengenai isu dakwaan keracunan arsenik terhadap Anwar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, pada kira-kira 9.10 pagi, 10 Sept tahun lepas.

Kata-kata tersebut ialah "Mungkin ada seseorang yang mahu menghapuskannya...malah sehingga ke tahap membunuh", dan "Saya mengesyaki bahawa beberapa orang di peringkat atasan bertanggungjawab bagi perkara itu."

Marina pula dituduh menyebut kata-kata menghasut itu di Moral Uplifting Society Hall di Jalan Tanah Liat, Butterworth antara pukul 9.41 malam dan 10.08 malam pada 29 Sept tahun lepas.

Karpal Singh dan Marina didakwa mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 4(1) akta yang sama yang membawa hukuman denda maksimum RM5,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Ezam didakwa melakukan kesalahan itu pada 6 Nov tahun lalu pada kira-kira pukul 12.45 petang di ibu pejabat parti itu di No 101 dan 201 blok A Pusat Dagangan Phileo Damansara II, di sini.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 8(1) (i) Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) yang jika disabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak kurang daripada satu tahun atau tidak melebihi tujuh tahun.

Karpal Singh, Marina dan Ezam masing-masing dibebaskan dengan ikat jamin RM3,000, RM5,000 dan RM7,000 dengan seorang penjamin.

Hakim Abdul Karim Abdul Jalil menetapkan 26 Feb ini untuk sebutan semula kes Karpal Singh sementara perbicaraan kes Marina ditetapkan selama lima hari mulai 17 April oleh Hakim Zanol Rashid Hussain.

Hakim Wan Afrah Wan Ibrahim pula menetapkan perbicaraan kes Ezam dijalankan selama lima hari bermula 5 Jun ini.

Karpal Singh dijamin oleh seorang rakannya Ng Shin Chong manakala Ezam, yang juga bekas setiausaha politik Anwar, dijamin oleh Ketua Penerangan Pergerakan Pemuda Keadilan Hanafiah Man. Marina, yang juga seorang peguam, dijamin oleh seorang rakannya Mustapha Kamal Mohd Yusoff.

Karpal Singh mewakili dirinya dan dibantu peguam Christopher Fernando, M. Manoharan and dua anak lelakinya, Gobind Singh Deo and Jagdeep Singh Deo. Marina diwakili peguam Mohideen Abdul Kader dan Ezam oleh peguam Sivarasa Rasiah, Hasnal Rezua, Asraf Abdul Razak dan Hamidzun Khairuddin.

Pendakwaan bagi kes Karpal Singh dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohd Zaki Mohd Yasin dan Jagjit Singh, Timbalan Pendakwa Raya K. Muniandy dan dibantu oleh Noorbahri Baharuddin bagi kes Marina dan Timbalan Pendakwa Raya Shamsul Sulaiman bagi kes Ezam.

Di Mahkamah Sesyen di sini, Mohd Zaki berkata pihaknya mencadangkan supaya Karpal Singh dibebaskan dengan ikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin kerana pihaknya memang tidak meragui kehadiran Karpal Singh dalam perbicaraan kesnya.

Beliau berkata pihaknya tidak mencadangkan supaya Karpal Singh menyerahkan pasportnya kepada mahkamah sebagai satu syarat jaminan.

Bagaimanapun, peguam Christopher Fernando berkata hujah Mohd Zaki menyokong permohonannya untuk membebaskan Karpal Singh dengan bon peribadi mengikut Seksyen 387 (2) Kanun Prosedur Jenayah.

"Karpal Singh adalah seorang peguam kanan dan sangat dihormati," katanya.

Sementara itu, Gobind Singh yang menyokong permohonan Fernando, memberitahu mahkamah bahawa bapanya hadir di balai polis walaupun waran tangkap telah dikeluarkan.

Gobind Singh berkata Karpal Singh hanya ditahan secara rasmi di balai polis dan beliau (Karpal Singh) kemudian dibebaskan dengan jaminan polis.

Selepas mendengar hujah kedua-dua pihak, mahkamah memutuskan jaminan RM3,000 dengan seorang penjamin.

Sementara itu, Karpal Singh yang bercakap dari kandang tertuduh memohon mahkamah supaya menetapkan tarikh sebutan bagi kesnya kerana beliau mahu membuat satu permohonan mengikut Seksyen 417 Kanun Prosedur Jenayah dan memerlukan masa untuk menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Mahkamah kemudian menetapkan 26 Feb ini untuk sebutan kes Karpal Singh setelah Mohd Zaki berkata pihaknya tidak membantah permohonan Karpal Singh.

Selepas prosiding itu tamat, Mohd Zaki memberitahu pemberita bahawa pihaknya akan memanggil 10 saksi termasuk pemberita.

Turut hadir di mahkamah yang penuh sejak awal pagi ialah ahli keluarga Karpal Singh, pengerusi DAP Lim Kit Siang, anak lelakinya, Lim Guan Eng dan pelapor khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Datuk Param Cumaraswamy.

Di pekarangan mahkamah kelihatan beberapa penyokong DAP dan Keadilan memberi sokongan moral kepada Karpal Singh dengan melaung-laungkan "Hidup Karpal".

Ketika ditemui pemberita, Karpal Singh berkata ini adalah kali pertama bagi seorang peguam di negara Komanwel mahupun di dunia didakwa di mahkamah kerana apa yang beliau perkatakan di mahkamah.

Beliau berkata tindakan itu akan menjejaskan keseluruhan profesion guaman di negara ini.

Peguam Marina pula memohon kepada mahkamah untuk membenarkan Marina, seorang peguam, mewakili dirinya pada perbicaraan kelak tetapi Timbalan Pendakwa Raya, Muniandy berhujah supaya permohonan itu dikemukakan kepada hakim yang akan mendengar perbicaraan itu kelak.

Laporan akhbar sebelum ini menyebut bahawa Marina akan didakwa di Mahkamah Majistret Bukit Mertajam tetapi beliau dimaklumkan oleh polis bahawa prosiding itu akan dijalankan di Mahkamah Sesyen, di sini.

Perbicaraan kes Marina akan didengar oleh Hakim Mahkamah Sesyen 1, Siti

Maria Ahmad, yang akan memulakan tugas di mahkamah itu minggu depan.

Marina, yang berpakaian baju kurung berwarna putih dan hitam serta berkot hitam dan bertudung putih, tiba di pekarangan bangunan Mahkamah Sesyen pada pukul 9.05 pagi.

Lebih 50 penyokong dan pemimpin parti pembangkang, termasuk Pengerusi DAP negeri, Chow Kon Yeow, anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lanchang, Law Heng Kiang (DAP) dan ADUN Penanti, Abdul Rahman Kadir (Keadilan) turut bersama-sama beberapa penyokong yang datang dari beberapa buah negeri.

Beliau kemudian menjadikan pekarangan mahkamah sebagai pentas untuk berucap kepada penyokong-penyokongnya.

Beliau mendakwa bahawa beberapa pegawai polis dan pendakwa raya yang terlibat dalam kes Anwar Ibrahim turut terlibat secara tidak langsung dalam urusan pendakwaannya hari ini dan ini jelas membuktikan bahawa tindakan terhadapnya merupakan agenda komplot politik.

Katanya, perjuangan beliau adalah untuk rakyat dan tidak berasa gentar dengan tindakan undang-undang itu kerana yakin beliau tidak melakukan sebarang kesalahan.

Di mahkamah Sesyen Petaling Jaya, Timbalan Pendakwa Raya Shamsul meminta mahkamah mengenakan jaminan RM10,000 ke atas Ezam.

Bagaimanapun, peguam Sivarasa memohon agar jaminan itu dikurangkan atas alasan Ezam seorang ahli politik yang telah memberi kerjasama kepada polis dengan menghadirkan diri dalam semua siasatan polis serta hadir di mahkamah hari ini.

Ahli keluarga dan penyokong beliau turut hadir dan memenuhi bilik mahkamah sejak awal pagi. Para penyokong beliau juga kelihatan berkumpul di pekarangan bangunan mahkamah.

Antara mereka ialah anak perempuan Anwar, Nurul Izzah, ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Keadilan, N. Gobalakrishnan dan ketua Wanita Parti Keadilan Selangor, Animah Ferrar.

Semalam, editor akhbar Harakah, Zulkifli Sulong dan pencetaknya Chea Lim Thye masing-masing didakwa di Mahkamah Sesyen berasingan di atas tuduhan menerbit dan mencetak berita berunsur hasutan berhubung konspirasi polis dan Peguam Negara dalam kes liwat Anwar Ibrahim.

Zulkifli, selaku penyunting akhbar itu, dan Chea dituduh melakukan kesalahan itu di dalam artikel bertajuk "Liputan pengakuan Sukma hina dan jahat - Dr Chandra" yang disiarkan di akhbar rasmi PAS itu pada 2 Ogos tahunlalu di muka surat 40.

Artikel itu antara lain mengandungi perenggan berbunyi: " Adalah memalukan bahawa elemen-elemen dalam pasukan polis, pejabat Peguam Negara, mahkamah dan media bersedia diperalatkan dalam konspirasi yang terbesar yang dirancang oleh Perdana Menteri Mahathir Mohamad dan konco-konconya, ujar beliau."

Mahkamah menetapkan lima hari mulai 22 Mei ini untuk perbicaraan kes Zulkifli manakala kes Chea akan disebut semula pada 31 Jan ini.

-- BERNAMA

JA ZU PK MRA AKD